

Sertai 'pakatan' lebih selamat, peluang menang bidaan

Kuala Lumpur: "Memang susah nak dapat peluang kalau bergerak secara sendiri," dakwa seorang kontraktor mengenai proses tawaran tender kerajaan.

Bellau yang enggan namanya disiarkan, terpaksa bergelut selama beberapa tahun sebelum 'dijemput' menyertai kumpulan kontraktor tertentu untuk merebut tawaran tender.

Kontraktor berusia awal 40-an itu berkata, saingan sengit sesama kontraktor mendorong mereka mewujudkan pakatan kerana peluang memenangi bidaan tender lebih cerah.

"Tak kiralah, projek itu besar atau kecil. Memang itu satu daripada caranya. Kalau tak, memang susah nak dapat."

"Memang semua kontraktor ini berlainan syarikat, tetapi mereka sepakat.

"Tahun ini, memang saya tak pernah menang (tender), tetapi

dapat juga kerja kerana mereka (pakatan) memberikan sub projek," katanya.

Difahamkan, jika seorang daripada mereka berjaya memenangi tender projek itu, ahli pakatan yang lain akan turut berasa habuan, sama ada dalam bentuk wang tunai atau melalui sub projek.

Bagaimanapun, kata kontraktor itu, jumlah komisyen yang diagihkan sesama mereka tertakluk kepada nilai projek dan jumlah keuntungan yang akan diperolehi.

Sehubungan itu, mereka akan sentiasa berbincang, mencari maklumat mendapatkan data terkini berapa nilai yang patut ditawarkan serta apa pilihan terbaik yang mereka ada.

"Tak semestinya apabila masuk tender, kami akan dapat projek itu. Jangan lupa, ramai lagi kontraktor lain yang memohon.

"Kadangkala, mereka juga me-

mohon secara pakatan. Jika ada rezeki, kami menang, ada masanya mereka menang," katanya yang menjalankan kerja pembinaan bangunan dan penyelenggaraan.

Pada masa sama, beliau mengakui, ada kontraktor yang mendaftar banyak syarikat atas satu nama individu atau menggunakan alamat sama bagi beberapa syarikat.

Katanya, melalui kaedah paktan itu, mereka mampu meletakkan tawaran harga tender berbeza daripada kadar paling minimum hingga tahap maksimum, tetapi masih pada kadar mengikut kemampuan.

Seorang lagi kontraktor Bumi-putera yang terlibat dalam kerja membekalkan makanan, tender kantin sekolah, asrama dan pusat latihan, berkata mereka terpaksa melakukan cara itu untuk terus kekal dalam perniagaan.

"Kita kena bantu sesama sen-

Tak semestinya

apabila masuk

tender, kami akan

dapat projek itu.

Jangan lupa, ramai

lagi kontraktor lain

yang memohon.

Kontraktor

diri. Kadangkala, projek pun tak besar, tetapi terpaksa agihkan kerja kepada rakan kerana mereka langsung tak dapat job (projek).

"Kalau dapat tender asrama yang ada lebih 1,000 pelajar, apa salahnya jika kita agihkan sedikit kepada mereka. Contohnya, mereka boleh sub kerja hantar bekalan beras sahaja.

"Saya masih kontraktor utama

dan tak salah jika kita berkongsi rezeki," katanya.

Mereka mengulas mengenai laporan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mendedahkan wujud kes tipu bida kontrak kerajaan yang menyebabkan banyak kerugian.

Ini kerana, ada kontraktor yang menghantar banyak permohonan tender menggunakan nama syarikat berbeza, tetapi ia sebenarnya dimiliki individu yang sama.

Ada juga kes membabitkan pakatan perjanjian antara beberapa syarikat atau pembekal yang menyasarkan hanya syarikat tertentu dibenarkan menghantar tawaran tender.

Jadi, syarikat terbabit boleh 'menentukan' harga projek kerana tiada tawaran lain diterima kerajaan. Namun, syarikat atau pembekal lain yang tidak menghantar permohonan tetap menerima habuan.